



# The Observer

13.10.2023

## ❖ Pelaburan ESG kembali mencuri tumpuan

Pemulihan sesetengah cabaran di peringkat global dapat membangkitkan semula minat dalam kalangan pengurus dana untuk menjadikan faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environment, social and governance, ESG*) sebagai titik tumpuan pelaburan.

Dalam negara, bidang tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy, RE*) menyaksikan perkembangan pesat dan mencetuskan aliran berita yang belum pernah berlaku sebelum ini. Pemain industri semakin jelas dalam merancang kaedah untuk mencapai matlamat karbon sifar-bersih masing-masing, pada masa yang sama berusaha secara aktif untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (*foreign direct investments, FDI*) demi membangunkan industri RE.

Pemulihan pascapandemik telah meletakkan kembali ESG dalam perhatian ramai apabila rangka kerja ESG semakin menjadi tumpuan kerana syarikat-syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) mula mengakui bahawa pematuhan ESG ternyata meningkatkan pertumbuhan organisasi dalam jangka panjang.

Sejak akhir-akhir ini, kita telah menyaksikan beberapa perkembangan positif dalam rangkuman ESG domestik, antaranya:

**PETRONAS tangani risiko peralihan:** Pada Jun 2022, perbadanan minyak nasional PETRONAS menubuhkan Gentari Sdn Bhd untuk mempelbagaikan aliran pendapatannya kepada tenaga bersih. Menjelang akhir tahun 2022, Gentari telah mencapai 1.6GW daripada kapasiti RE global dalam operasi dan yang sedang dibangunkan (sebagai perspektif, berbanding 8.7GW kapasiti RE yang tersedia di Malaysia).

**Sarawak menjadi peneraju SAF:** Pada Mei 2023, kerajaan Sarawak telah memperkenalkan bahan api penerbangan mampan (*sustainable aviation fuel, SAF*) pertama di dunia yang dihasilkan daripada alga. Menurut Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, SAF mempunyai potensi dan kebolehpasaran yang besar memandangkan kekurangan bekalan semasa, pemulihan terhadap permintaan perjalanan udara jarak jauh serta peningkatan dorongan kawal selia ke arah penyahkarbonan dalam sektor penerbangan.

**Peningkatan kapasiti RE dan penggunaan kenderaan elektrik (*electric vehicles, EV*):** Bagi tenaga solar, kerajaan telah memperkenalkan Program Tenaga Hijau Korporat

(*Corporate Green Power Programme, CGPP*) dengan saiz kuota 800MW. Program ini dianggarkan akan menawarkan peluang kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliah (engineering, procurement, construction and commissioning, EPCC) solar dalam lingkungan RM2 bilion hingga RM3 bilion jika CGPP diperuntukkan sepenuhnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kerajaan baru-baru ini menarik balik larangan eksport RE yang telah berkuat kuasa sejak Oktober 2021. Singapura dijangka menjadi pasaran sasaran eksport RE utama berikutan jaraknya yang paling hampir, kekurangan tanah serta unjuran peningkatan permintaan tenaga.

Dasar negara yang menggalakkan juga dijangka mendorong penggunaan EV yang lebih meluas dalam kalangan rakyat Malaysia, ditambah lagi dengan pengenalan jenama EV seperti Tesla ke dalam pasaran tempatan.

### **Masa depan ESG**

Kami percaya ESG akan berada di sini untuk jangka masa yang lama. Daripada semua faktor yang perlu dipertimbangkan, kewajipan fidusiari menjadi pemacu utama bagi pelabur institusi untuk memasukkan faktor ESG sewaktu membuat keputusan pelaburan.

Dalam tinjauan terhadap 805 pelabur institusi global yang dijalankan oleh Pengurusan Aset Global RBC pada tahun 2021, kebanyakan responden (57%) memilih kewajipan fidusiari sebagai sebab utama mereka mempertimbangkan faktor ESG, diikuti rapat dengan pulangan terlaras risiko (52%).

Pada asasnya, pengarah dan pegawai korporat bertanggung jawab untuk bertindak demi kepentingan terbaik perbadanan dan pelabur institusi seperti pemegang amanah pencen. Mereka mempunyai kewajipan untuk menjaga kepentingan pihak yang mengamanahkan wang kepada mereka.

Selain itu, pengurus dana turut menambah baik kepakaran ESG dalaman mereka berikutan tekanan pihak berkepentingan yang semakin meningkat daripada pemilik aset. Pengurus dana juga memerlukan kepakaran teknikal untuk menganalisis piawaian ESG yang berkembang pesat dan semakin kompleks.

Di samping itu, kami melihat peningkatan jumlah wang yang dilaburkan dalam ruang ESG. Jelas sekali, apabila Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (*Principles of Responsible Investment, PRI*) yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dilancarkan pada tahun 2006, ia mempunyai 63 penanda tangan yang bertanggungjawab mengurus aset berjumlah AS\$6.5 trilion.

Namun menjelang akhir 2021, PRI berjaya mengumpulkan 3,826 penanda tangan yang mengurus aset bernilai kira-kira AS\$121 trilion dan pertumbuhan ini masih berterusan. Jumlah ini membuktikan komitmen sektor kewangan terhadap ESG.

Dalam satu lagi demonstrasi kuasa kewangan di sebalik ESG, Mark Carney dan rakan-rakan kongsi beliau melancarkan Perikatan Kewangan Glasgow untuk Sifar Bersih (*Glasgow Financial Alliance for Net Zero, GFANZ*) pada tahun 2021 sebagai "forum untuk institusi kewangan terkemuka mempercepat peralihan kepada ekonomi global

yang sifar-bersih." GFANZ turut merangkumkan ikrar sifar bersih yang berasingan untuk pengurus aset, pemilik aset, bank, penanggung insurans dan penyedia perkhidmatan yang berjaya meraih sokongan daripada lebih 450 organisasi daripada sektor kewangan yang mewakili aset bernilai AS\$130 trilion.

Tambahan pula, syarikat yang mempunyai prestasi ESG yang kukuh cenderung menanggung kos modal yang lebih rendah. Dengan kata lain, mereka mempunyai akses kepada pembiayaan hutang dan ekuiti yang lebih murah kerana pemberi pinjaman dan pelabur melihat prestasi ESG yang kukuh sebagai penunjuk risiko yang lebih rendah.

Sebuah kajian yang diterbitkan dalam jurnal *Critical Perspectives on Accounting* pada tahun 2021 membuat penyelidikan terhadap kos hutang dalam 6,018 kes di 15 negara Eropah dalam tempoh 11 tahun. Mereka mendapati bahawa firma yang membuat pendedahan ESG yang lebih terperinci serta menampilkan prestasi ESG yang lebih teguh mempunyai kos hutang yang lebih rendah. Oleh itu, mereka membuat kesimpulan bahawa "apabila prestasi ESG sesebuah firma meningkat, jumlah faedah yang sanggup diterima oleh institusi pemberi pinjaman untuk satu pound hutang bagi firma tersebut didapati berkurangan."

Sementara itu, pengguna turut menggesa supaya produk dihasilkan secara mampan, justeru mereka mengharapkan syarikat untuk meningkatkan dan menangani cabaran yang berkaitan kemampanan. Sebagai contoh, kajian pada tahun 2021 oleh Ernst & Young mendapati bahawa majoriti (atau 69%) pengguna di Kanada mengharapkan syarikat untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan kemampanan.

Deloitte turut menjana keputusan yang sama dalam pasaran Amerika Syarikat dengan 65% pengguna mengharapkan Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officers*, CEO) supaya berusaha lebih gigih untuk menangani isu-isu kemasyarakatan seperti mengurangkan pelepasan karbon, mengatasi pencemaran udara serta mewujudkan rantaian bekalan perniagaan yang lebih mampan.

Data yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa pengguna kini semakin mementingkan prestasi ESG dalam dunia korporat. Jangkaan pengguna yang kian meningkat menunjukkan bahawa ESG dan tindakan pengawalan iklim perlu menjadi sebahagian daripada komponen lesen sosial syarikat yang perlu dimiliki untuk beroperasi.

## **Oleh Pemantauan Korporat MSWG**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 16 hingga 20 Oktober 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
16.10.23 (Isnin) 10.00 pagi	Aeon Credit Service (M) Berhad (EGM)	<p>AEONCR berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan usaha sama (<i>joint venture, JV</i>) antara AEONCR dan Aeon Financial Services Co. Ltd (AFS) untuk menjalankan perniagaan Bank Islam secara digital.</li> <li>- Cadangan terbitan bonus sebanyak 255.31 juta saham dalam AEONCR berdasarkan satu saham bonus bagi setiap satu saham AEONCR yang dipegang.</li> </ul>
17.10.23 (Selasa) 09.00 pagi	Apollo Food Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM257.11 juta pada tahun kewangan 2023, meningkat 36.56% berbanding RM188.27 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pembukaan semula sempadan Malaysia meningkatkan permintaan untuk produk Apollo, yang melonjakkan jumlah jualan.</p> <p>Sebahagian besar pendapatannya disumbangkan oleh pasaran tempatan iaitu 68.38% daripada jumlah pendapatan. Sehubungan itu, untung bersihnya melonjak 217.45% kepada RM31.65 juta berbanding RM9.97 juta setahun yang lalu.</p>
18.10.23 (Rabu) 10.00 pagi	Kein Hing International Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 21% tahun ke tahun kepada RM334.9 juta (tahun kewangan 2022: RM276.7 juta), terutamanya disebabkan oleh permintaan yang terpendam terutamanya pada suku kedua tahun kewangan 2023 serta permintaan pelanggan yang lebih kukuh untuk alat ganti yang digunakan dalam produk pencetak.</p> <p>Selaras dengan pendapatan yang meningkat, Kumpulan mencapai untung bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.8 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM19.3 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Kumpulan juga telah menyiapkan pembinaan Fasa 11 untuk kilang</p>

		<p>Vietnam ketiganya pada tahun kewangan 2023, yang bakal memenuhi rancangan pengembangannya di Vietnam pada masa hadapan.</p>
<p>19.10.23 (Khamis) 10.30 pagi</p>	<p>MNC Wireless Berhad (AGM)</p>	<p>MNC Wireless melaporkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM12.436 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM15.025 juta pada tahun sebelumnya. Ini berikutan permintaan yang menyusut untuk perkhidmatan wayarles dan multimediana.</p> <p>Sementara itu, rugi bersihnya berjaya dikurangkan daripada RM17.772 juta kepada RM6.708 juta berikutan langkah-langkah pengoptimuman kos.</p> <p>Meskipun bergelut dengan cabaran, Kumpulan menjangkakan akan mendapat manfaat daripada gelombang automasi, pelancaran 5G serta trend pemasaran digital, khususnya penghantaran khidmat pesanan ringkas (<i>short message service, SMS</i>) secara pukal untuk pelbagai industri.</p>
<p>20.10.23 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Pintaras Jaya Bhd (AGM)</p>	<p>Kumpulan bertukar menjadi syarikat rugi dengan kerugian bersih sebanyak RM2.1 juta (tahun kewangan 2022: untung bersih RM41.2 juta), selaras dengan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM333.1 juta berbanding RM443.1 juta setahun yang lalu.</p> <p>Kerugian ini berpunca daripada kekurangan buruh, kenaikan harga bahan, kos tenaga yang tinggi serta gangguan rantaian bekalan, yang menjejaskan kos operasi dan penghantaran projek tepat pada masanya.</p> <p>Segmen pembinaan melaporkan kerugian berjumlah RM5.0 juta berbanding keuntungan RM48.0 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Apollo Food Holdings Berhad (AGM)	<p>Apakah tiga bahan mentah atau bahan utama yang digunakan oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2023? Apakah trend harga bahan-bahan ini dalam tahun kewangan semasa setakat ini, berbanding pada tahun kewangan 2023? Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan pendapatan yang kukuh yang berjaya dicapai pada tahun kewangan 2023 akan berterusan pada tahun kewangan 2024?</p>
Kein Hing International Berhad (AGM)	<p>Kein Hing Muramoto (Vietnam) Co., Ltd. ("KHMV") pada 5 Mei 2023 telah menandatangani Perjanjian Pemindahan dengan Syarikat untuk memperoleh keseluruhan Piagam dan Modal Sumbangan dalam Kein Hing Thai Nguyen (Vietnam) Co., Ltd. ("KHTV") sebagai usaha penyusunan semula dalaman yang akan membolehkan KHMV dan KHTV menikmati sinergi, peningkatan kapasiti serta limpahan pesanan daripada pelanggan KHMV. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Selepas melaksanakan penstrukturan semula dalaman, kepentingan pemilikan berkesan Syarikat dalam KHTV akan menyusut daripada 100% kepada 75%. Memandangkan KHMV dan KHTV adalah anak syarikat yang dikawal oleh Syarikat, sebarang pesanan daripada pelanggan KHMV boleh dialihkan kepada KHTV jika perlu.</p> <p>Mengapakah Syarikat melepaskan 25% kepentingan pemilikannya dalam KHTV selepas melaksanakan penstrukturan semula dalaman sedangkan terdapat pertumbuhan yang ketara dalam pendapatan operasi Vietnam sejak dua tahun kewangan yang lalu? Sila huraikan lebih lanjut.</p>
MNC Wireless Berhad (AGM)	<p>MNC optimistik terhadap masa depan perkhidmatan penghantaran SMS secara pukal dan menjangkakan permintaan yang kukuh dalam pemasaran dan pemberitahuan merentas pelbagai industri termasuk perbankan, insurans, penjagaan kesihatan, hartanah, pelancongan, peruncitan, automotif dan agensi kerajaan (Halaman 13, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Berapa peratus perniagaan dalam industri yang disebutkan di atas (perbankan, insurans, penjagaan kesihatan, dsb) pada masa ini menggunakan SMS pukal dan bagaimanakah perkembangannya sejak beberapa tahun yang lalu?</p> <p>b) Bagaimanakah pasaran SMS pukal dapat bersaing dengan trend yang baru muncul dalam teknologi</p>

	<p>komunikasi? Apakah prospek SMS pukal apabila perlu menghadapi persaingan daripada platform penghantaran mesej popular seperti WhatsApp dan Telegram?</p> <p>c) Kebimbangan pengguna terhadap privasi semakin meningkat. Bagaimanakah MNC menyesuaikan pilihan pengguna dan keperluan kawal selia dalam konteks SMS pukal? Bagaimanakah tetapan ini jika dibandingkan dengan aplikasi penghantaran mesej lain yang menggunakan penyulitan secara menyeluruh (<i>end-to-end encryption</i>)?</p>
<p>Pintaras Jaya Bhd (AGM)</p>	<p>Jumlah ganti rugi tertentu yang dikenakan terhadap kelewatan dalam penyerahan projek adalah agak besar. Kumpulan mengambil pendekatan berhati-hati dalam aktiviti tender sementara menyelesaikan kerja-kerja yang sedia ada. Projek-projek yang tidak menguntungkan ini perlu disiapkan pada separuh pertama 2024. (Halaman 37, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah jumlah ganti rugi tertentu yang dikenakan terhadap Kumpulan pada tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Pada 30 Jun 2023, berapakah bilangan projek yang tidak menguntungkan yang sedang diusahakan oleh syarikat? Berapakah baki jumlah kontrak bagi projek yang tidak menguntungkan itu?</p> <p>c) Berapakah kerugian yang dijangkakan daripada projek-projek yang tidak menguntungkan ini dan adakah kerugian tersebut telah diiktiraf sepenuhnya sebagai perbelanjaan pada 30 Jun 2023?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.